

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB MENTERI PENGANGKUTAN
SEMPENA PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI
(KAM) PERBADANAN ASET KERETAPI**

**KAMPUNG BUKIT TEMIANG, SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN**

16 JULAI 2026 (KHAMIS) / 3.30 PETANG

SALUTASI

- **Yang Berbahagia Dato' Seri Jana Santhiran
Muniayan
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan;**
- **Rakan-rakan media, warga Kampung Bukit Temiang
dan yang datang daripada kampung-kampung
sekitar yang saya kasihi sekalian.**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), RELA, Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Jawatankuasa Kampung, semua jabatan dan agensi, rakan strategik serta seluruh masyarakat yang telah berganding bahu menjayakan Majlis Peluncuran Program Kampung Angkat MADANI, Sekolah Angkat MADANI dan Santuni MADANI Kementerian Pengangkutan Tahun 2026.
2. Hari ini kita membawa tiga inisiatif Kerajaan MADANI yang mempunyai matlamat yang memastikan pembangunan benar-benar sampai kepada rakyat. Pembangunan bukan hanya tentang jalan raya, landasan kereta api, lapangan terbang atau pelabuhan, tetapi tentang bagaimana kehidupan rakyat dapat dipertingkatkan melalui komuniti yang lebih sejahtera, pendidikan yang berkualiti dan persekitaran yang lebih selamat. Inilah semangat Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim yang mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan yang inklusif, mampan dan berpaksikan keperluan sebenar masyarakat.

3. Program seperti ini bukan program sehari atau sekadar majlis pelancaran. Ia merupakan komitmen berterusan Kerajaan sejak tahun 2025 bagi memastikan setiap kementerian turun padang, mendengar sendiri suara rakyat, memahami keperluan komuniti dan membantu menyelesaikan isu yang dihadapi masyarakat.
4. Di Negeri Sembilan sendiri, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sejak tahun lalu. Pada sebelah pagi tadi kita berada di Kampung Baru Mantin bagi Program Kampung Angkat MADANI, manakala Kampung Mantin Dalam dipilih di bawah Program Santuni MADANI. Petang ini pula kita meneruskan komitmen tersebut di Kampung Bukit Temiang melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC).
5. Ini membuktikan bahawa kerajaan bukan sekadar hadir untuk merasmikan program atau menyampaikan bantuan. Yang lebih penting ialah memastikan setiap projek dipantau, setiap peruntukan dimanfaatkan sebaik mungkin dan hasilnya benar-benar dirasakan oleh rakyat.

6. Di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT), tanggungjawab utama kami ialah memastikan sistem pengangkutan negara terus cekap, selamat dan mampan. Namun pada masa yang sama, kami juga mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu membangunkan komuniti.
7. Di Kampung Bukit Temiang ini, RAC telah memperuntukkan sebanyak **RM50,000** bagi melaksanakan penambahbaikan yang diputuskan melalui sesi libat urus bersama penduduk. Antara cadangan yang diberi perhatian ialah penambahbaikan balai raya, bumbung rumah, sistem perparitan serta kemudahan lain yang benar-benar diperlukan oleh komuniti. Kita mahu mendengar dahulu apa yang diperlukan oleh penduduk sebelum projek dilaksanakan.
8. Pada hari ini juga, JPJ menyampaikan topi keledar bagi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya. Walaupun ia mungkin satu tindakan kecil, tetapi pemakaian topi keledar telah pun dibuktikan secara statistic bahawa ia merupakan pendekatan efektif dalam mengurangkan kadar kematian kemalangan motosikal.

9. Bagi isu-isu lain berkaitan kemudahan awam dan infrastruktur, MOT bersama RAC akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara dengan menyelaraskan tindakan bersama kementerian, jabatan dan agensi berkaitan supaya penyelesaian yang terbaik dapat dilaksanakan.
10. Apa yang paling penting, setiap inisiatif yang dilaksanakan hari ini bukan ditentukan dari pejabat semata-mata. Sebaliknya, ia dirancang berdasarkan keutamaan yang dikenal pasti melalui sesi libat urus bersama masyarakat. Inilah pendekatan Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim: mendengar, memahami dan bertindak.
11. Saya yakin dengan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan masyarakat setempat, segala usaha yang dimulakan hari ini akan memberi manfaat yang berkekalan.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini. Saya berharap usaha yang kita mulakan hari ini tidak terhenti setakat majlis pelancaran sahaja, tetapi diteruskan sehingga hasilnya benar-benar dapat dirasakan oleh penduduk Kampung Bukit Temiang.
13. Semoga Program Kampung Angkat MADANI, Sekolah Angkat MADANI dan Santuni MADANI akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti yang lebih maju, selamat, berdaya tahan dan sejahtera selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.
14. Dengan ini, saya sukacitanya merasmikan Program Kampung Angkat MADANI, bagi Kampung Bukit Temiang.

Sekian, terima kasih.

[TAMAT]